



Ruj Kami: ANM/ POPA/ SPP/ 3/ 6 Jld 5 (82)  
Tarikh : 6 September 2010

Semua Pegawai Pengawal

Y.Bhg Tan Sri/ Dato'/ Tuan/ Puan,

## KOD PERAKAUNAN TAHUN KEWANGAN 2011

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa Jabatan ini akan mengwujudkan dan mengemaskini kod perakaunan kementerian bagi tahun kewangan 2011. Kod perakaunan yang terlibat ialah Kod Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos (PTJ/ PK), Kod Program/ Aktiviti (Prog/ Akt) dan Profil Kod Kementerian/ Jabatan.

### 1. Kod Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos (PTJ/ PK)

- 1.1 Semua pengwujudan dan pembatalan kod ataupun pindaan ke atas perihal PTJ/ PK hendaklah dikemukakan melalui borang JAN/ MD 004A – Borang Kod Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos (PTJ/ PK).
- 1.2 Sekiranya terdapat perubahan kod bagi PTJ/ PK tahun kewangan 2010 yang akan digunakan bagi tahun kewangan 2011, ianya hendaklah disenarai dan dikemukakan melalui borang JAN/ MD 018A – Borang Jadual Penukaran Kod Pusat Tanggungjawab/ Pusat Kos.

Kod PTJ/ PK baru (Tahun 2011) mesti diwujudkan terlebih dahulu sebelum Jadual Penukaran dapat diproses.

### 2. Kod Program/ Aktiviti (Prog/ Akt)

- 2.1 Semua pengwujudan dan pembatalan kod ataupun pindaan ke atas perihal Prog/ Akt hendaklah dikemukakan melalui borang JAN/ MD 005A – Borang Kod Program/ Aktiviti.

Kementerian tidak perlu menghantar permohonan untuk mengwujudkan Kod Prog/ Akt seperti dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2011. Walau bagaimanapun, jika profil kementerian/ jabatan memerlukan paras terendah (subaktiviti), kod Prog/ Akt berkenaan perlu diwujudkan melalui borang JAN/ MD 005A.

- 2.2 Sekiranya terdapat perubahan kod bagi Prog/ Akt tahun kewangan 2010 yang akan digunakan bagi tahun kewangan 2011, ianya hendaklah disenarai dan dikemukakan melalui borang JAN/ MD 018B – Borang Jadual Penukaran Kod Program/ Aktiviti.

### **3. Profil Kod Kementerian/ Jabatan**

- 3.1 Sekiranya terdapat perubahan **Profil Kod** kementerian/ jabatan, pengemaskinian hendaklah dikemukakan melalui Borang JAN/ MD 009A – Borang Profil Kod Kementerian/ Jabatan.
  - 3.2 Profil kod kementerian/ jabatan hanya boleh dipinda pada awal tahun kewangan, iaitu sebelum akaun bagi satu-satu tahun kewangan itu bermula.
4. Panduan untuk mengisi borang, senarai kod negeri/ daerah dan kod negara serta penjenisan mengikut sektor boleh dimuat turun daripada laman web Jabatan Akauntan Negara di alamat <http://www.anm.gov.my>.
5. Borang-borang yang telah dilengkapkan (satu salinan) hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada **12 November 2010** ke alamat berikut:
- Jabatan Akauntan Negara  
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi  
Seksyen Perakaunan Persekutuan  
Aras 3, Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2  
62594 PUTRAJAYA  
(up: Pn Devantri Kaur)
6. Bagi kementerian/ jabatan yang tidak mempunyai sebarang pindaan ke atas kod perakaunan berkenaan, **pengesahan secara bertulis** hendaklah dikemukakan selewat-perakaunan berkenaan, **lewatnya pada 12 November 2010**. Sila hubungi Seksyen Perakaunan Persekutuan, BPOPA di talian 03-88821495, 03-88821523 dan 03-88821518 untuk maklumat lanjut.
  7. Kerjasama dan tindakan sewajarnya bagi mengemaskini kod perakaunan tahun kewangan 2011 amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
***‘Inovasi Pemangkin Kecemerlangan Perkhidmatan’***

Saya yang menurut perintah,

  
( ROSINI BINTI ABD SAMAD )  
Timbalan Akauntan Negara (Operasi)  
b.p Akauntan Negara Malaysia

**Salinan:**  
Setiausaha Bahagian Kewangan/ Ketua Akauntan  
Jabatan Mengakaun Sendiri